

SULIT

3757/1

Ekonomi Asas

Kertas 1

September

2011

1 jam 15 minit

Nama :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH - SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN LIMA
2011**

EKONOMI ASAS

KERTAS 1

Masa : 1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

3757/1

SULIT

[Lihat halaman sebelah]
EKONOMI ASAS (1) TING 5 PERCUBAAN SPM 2011


- 1 Maklumat di bawah merujuk kepada masalah ekonomi yang dihadapi oleh satu unit ekonomi.

En Azli membuat pilihan barang yang dapat memaksimumkan kepuasannya akibat masalah kekurangan yang dihadapinya

Apakah masalah kekurangan yang dihadapi oleh En Azli?

- A Kekurangan faktor-faktor pengeluaran
- B Kekurangan pendapatan
- C Kekurangan hasil
- D Kekurangan sumber

- 2 Gambar di bawah berkaitan dengan ciri dua jenis barang dalam ekonomi.



Antara yang berikut, yang manakah ciri bagi Y?

- A Tidak wujud prinsip pengecualian penggunaan
 - B Dikeluarkan oleh kerajaan
 - C Dikeluarkan oleh swasta
 - D Wujud kos lepas
- 3 Kerajaan telah memilih kaedah intensif buruh untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.
Pernyataan manakah yang merujuk kepada masalah asas ekonomi di atas?
- A Apakah barang yang hendak dikeluarkan?
 - B Berapakah barang yang hendak dikeluarkan?
 - C Bagaimana barang yang hendak dikeluarkan?
 - D Untuk siapa barang yang hendak dikeluarkan?

4 Pasangan manakah yang benar tentang ciri sistem ekonomi di bawah?

	Sistem Ekonomi	Pembuat Keputusan
A	Sistem Ekonomi Pasaran	Pengguna bebas membuat keputusan ekonomi tanpa campur tangan kerajaan
B	Sistem Ekonomi Sosialis	Pengguna dianggap sebagai raja kerana bebas membuat keputusan ekonomi
C	Sistem Ekonomi Islam	Pengguna dan pengeluar bebas membuat keputusan tanpa terikat kepada apa-apa peraturan
D	Sistem Ekonomi Campuran	Pengeluar bebas membuat keputusan ekonomi tanpa campurtangan kerajaan

5 Maklumat di bawah merujuk kepada penyelesaian masalah asas satu sistem ekonomi.

- Golongan berpendapatan tinggi dikenakan cukai
- Golongan berpendapatan rendah diberi subsidi

Maklumat ini merujuk kepada

- A Sistem ekonomi Islam
- B Sistem ekonomi kapitalis
- C Sistem ekonomi campuran
- D Sistem ekonomi perancangan pusat

6 Manakah antara berikut merupakan bayaran pindahan?

- A Gaji yang terima oleh seorang buruh
- B Keuntungan yang diterima oleh seorang peniaga
- C Pampasan yang diberikan oleh kerajaan kepada mangsa banjir
- D Dividen yang diterima daripada dana amanah

7 Antara yang berikut, yang manakah merupakan faedah sampingan dalam faktor pemilihan pekerjaan?

- A Peluang kenaikan pangkat
- B Kemudahan pinjaman perumahan
- C Persekitaran tempat kerja yang selesa dan selamat
- D Pengalaman daripada pekerjaan terdahulu

8 Jadual di bawah menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan Puan Suria bagi suatu bulan.

Butiran	RM
Gaji	4 500
Cukai pendapatan	170
Tabungan	120
Zakat	50
KWSP	495

Berapakah jumlah perbelanjaan Puan Suria pada bulan tersebut?

- A RM3 165
 - B RM3 665
 - C RM3 785
 - D RM3 905
- 9 Gambar di bawah berkaitan tujuan pinjaman.

SYARIKAT PEMAJU PEMBINAAN JATI
Pemaju Perumahan Rakyat
Sejak 1990




Saya perlu pinjam wang dari bank perdagangan

Antara yang berikut, yang manakah tujuan individu di atas membuat pinjaman?

- A Untuk membiayai kekurangan wang harian
 - B Untuk membeli rumah
 - C Untuk memulakan pemiagaan
 - D Untuk menambahkan modal perniagaan
- 10 Antara yang berikut, bentuk pelaburan manakah yang dapat meningkatkan produktiviti sesebuah firma?
- I Menghantar pekerja menjalani kursus
 - II Membeli jentera atau komputer
 - III Membeli rumah atau tanah
 - IV Membeli stok bahan mentah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


11 Rajah di bawah menunjukkan pergerakan titik A ke B di sepanjang keluk permintaan.



Apakah faktor yang menyebabkan pergerakan titik dari A ke B ?

- A Kenaikan harga barang penggenap
 - B Kejatuhan harga barang penggenap
 - C Kenaikan harga barang itu sendiri
 - D Kejatuhan harga barang itu sendiri
- 12 Apabila harga barang S turun, kuantiti barang T diminta akan bertambah. Apakah kemungkinan barang S dan barang T?
- A. Gula dan beras
 - B Milo dan Horlicks
 - C Kamera dan filem
 - D Komputer peribadi dan kereta.

13 Rajah di bawah menunjukkan permintaan terhadap barang Y.



Berapakah kuantiti X jika nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut ialah 1?

- A 70 Unit
- B 80 Unit
- C 90 Unit
- D 100 Unit

14 Jika harga barang naik sebanyak 25 % bagi permintaan tidak anjal, maka

- A Kuantiti diminta akan turun kurang daripada 25 %
- B Kuantiti diminta akan naik kurang dari 25 %
- C Kuantiti diminta akan naik lebih daripada 25%
- D Kuantiti diminta akan turun lebih daripada 25 %

15 Jadual di bawah menunjukkan permintaan terhadap barang Q.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (Kg)	
	Mac 2009	Mei 2009
3	3000	4250

Mengapakah berlaku perubahan permintaan tersebut?

- I Jangkaan harga masa depan naik
- II Pertambahan pendapatan individu
- III Kejatuhan harga barang pengganti
- IV Kenaikan harga barang itu sendiri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3757/1

16 Jadual di bawah menunjukkan kaedah pengeluaran sebuah firma.

Kaedah Pengeluaran	Faktor Pengeluaran (Unit)	Kos Pengeluaran (RM)	Output (Unit)
P	6	40	100
Q	8	30	100
R	10	100	200
S	12	200	200

Kaedah pengeluaran manakah paling cekap?

- A P
- B Q
- C R
- D S

17 Jadual di bawah menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma dalam jangka pendek.

Keluaran (Unit)	Jumlah Kos (RM)
0	100
1	180
2	250
3	300
4	340

Hitungkan kos berubah untuk mengeluarkan 4 unit keluaran .

- A RM40
- B RM85
- C RM100
- D RM240

18 Antara yang berikut, yang manakah kos tetap?


- A Sewa mesin dan insurans
- B Gaji pekerja dan sewa mesin
- C Gaji pekerja dan kos penyelegaraan
- D Kos Penyelenggaraan dan bahan mentah

19 Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan penawaran sesuatu jenis barang bertambah?

- I Kenaikan cukai jualan
- II Peningkatan teknik pengeluaran
- III Penurunan harga bahan mentah
- IV Kejayaan promosi jualan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan Danial (D1) dan Danisy (D2) bagi suatu barang.



Antara jadual berikut, yang manakah menunjukkan permintaan pasaran bagi barang tersebut?

A	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
	3	20
	5	7
B	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
	3	25
	5	12
C	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
	3	45
	5	19
D	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
	3	20
	5	12

3757/1


- 21 Dalam ekonomi, penawaran pasaran ditakrifkan sebagai
- A Kuantiti barang yang ditawarkan oleh semua pengeluar dalam pasaran pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu.
 - B Kuantiti barang yang ditawarkan oleh pengguna pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu.
 - C Kuantiti barang yang ditawarkan oleh pengeluar pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu
 - D Kuantiti barang yang ditawarkan oleh semua pengguna dalam pasaran pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

22 Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran bagi suatu barang.

Harga (RM)	Permintaan (unit)		Penawaran Pasaran (unit)
	Ain	Athirah	
3	25	35	40
6	24	26	50
9	12	18	60
12	8	12	70

Berapakah harga keseimbangan?

- A RM3
 - B RM6
 - C RM9
 - D RM12
- 23 Rajah di bawah menunjukkan aliran wang dalam ekonomi dua sektor.



Apakah peranan Encik Mohamad dalam Aliran Y?

- A Membayar ganjaran sewa
- B Membekalkan faktor pengeluaran
- C Membuat perbelanjaan penggunaan
- D Menggabungkan faktor pengeluaran

3757/1

24 Gambar di bawah menunjukkan satu jenis wang di Malaysia.



Manakah ciri wang yang sesuai dengan gambar di atas?

- A Bentuk yang seragam
- B Penawaran terhad
- C Mudah ditukar
- D Kemahuan serentak

25 Institusi kewangan manakah yang menyediakan perkhidmatan nasihat korporat?

- A Bank perdagangan
- B Bank pusat
- C Bank Islam
- D Bank saudagar

26 Antara yang berikut, yang manakah kemudahan kepada pemegang akaun semasa?

- I Membuat pembayaran menggunakan cek
- II Memperoleh kadar faedah yang tinggi
- III Menerima sijil simpanan
- IV Menerima kemudahan overdraf

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Encik Kamil membeli sebuah rumah yang berharga RM100 000 dengan bayaran secara ansuran berasaskan satu prinsip dalam skim perbankan Islam. Apakah prinsip tersebut?

- A Wadiah
- B Mudharabah
- C Musyarakah
- D Bai Bithamin Ajil

28 Tindakan bank pusat manakah yang dapat mengurangkan kadar pengangguran?

- A Memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman
- B Menaikkan kadar rizab berkanun
- C Membeli surat jaminan kerajaan
- D Meningkatkan kadar faedah

29 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri satu institusi kewangan

- Simpanan pencarum untuk hari tua
- Membeli surat jaminan kerajaan

Apakah institusi kewangan tersebut?

- A Syarikat insurans
- B Lembaga Tabung Haji
- C Bank Simpanan Nasional
- D Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

30 Manakah antara individu berikut tergolong dalam sektor ketiga

	Individu	Pekerjaan
I	Encik Johan	Ejen insurans
II	Encik Nizam	Penternak ikan
III	Puan Mariam	Jurutera
IV	Encik Nathan	Pengurus syarikat pelancongan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Mengapakah kerajaan masih berusaha untuk memajukan sektor utama walaupun sektor ini mengalami pelbagai masalah?

- A Sektor ini mampu menggantikan import negara
- B Sektor ini dapat menyerap sebahagian besar guna tenaga negara
- C Sektor ini menyumbangkan sebahagian besar pendapatan negara
- D Sektor ini merupakan pembekal bahan mentah kepada sektor perkilangan

32 Antara yang berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan mengurus kerajaan?

- I Membina hospital
- II Pembinaan infrastruktur ICT
- III Bayaran gaji dan elaun guru
- IV Membaik pulih tandas sekolah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33 Apakah eksport utama Malaysia pada masa kini?

- A Barang elektrik dan elektronik
- B Minyak kelapa sawit
- C Getah
- D Petroleum

34 Berikut ialah kedudukan akaun imbalan dagangan Malaysia pada tahun 2009 dan 2010.

Tahun	Imbalan Dagangan (RM juta)
2009	-65 040
2010	70 520

Manakah yang menerangkan imbalan dagangan Malaysia pada tahun 2009 dan 2010?

- A Pada tahun 2009, nilai eksport barang nampak kurang daripada nilai import barang nampak
- B Pada tahun 2010, nilai eksport barang nampak kurang daripada nilai import barang nampak
- C Pada tahun 2009, nilai eksport barang tak nampak melebihi nilai import barang tak nampak
- D Pada tahun 2010, nilai eksport barang nampak melebihi nilai import barang tak nampak

- 35 Jadual di bawah menunjukkan komponen imbangan akaun semasa dalam imbangan pembayaran.

Butiran	Jumlah (RM juta)
Imbangan akaun dagangan	10 800
Imbangan akaun perkhidmatan	-8 250
Imbangan akaun semasa	-1 520

Berapakah jumlah pindahan bersih?

- A -RM1 050 juta
 - B RM4 070 juta
 - C -RM4 070 juta
 - D RM20 570 juta
- 36 Pernyataan di bawah berkaitan Akaun Semasa bagi Negara W pada tahun 2009.

Negara W mengalami lebih dalam akaun semasa sebanyak RM20 billion

Antara yang berikut , yang manakah menerangkan keadaan di atas?

	Akaun Dagangan (RM billion)	Akaun Perkhidmatan (RM billion)	Akaun Pindahan (RM billion)
A	-15	- 20	25
B	5	10	-15
C	10	28	-18
D	13	-12	15

37 Maklumat di bawah adalah berkaitan jenis-jenis sekatan perdagangan antarabangsa.

X	Cukai yang dikenakan terhadap barang dan perkhidmatan yang diimport
Y	Bank Negara Malaysia mengehadkan jumlah mata wang asing yang boleh dibeli oleh para pengimport untuk jangka masa tertentu.

Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan maklumat di atas.

	X	Y
A	Kuota	Sekatan bukan ekonomi
B	Tarif	Kawalan pertukaran asing
C	Kuota	Subsidi
D	Subsidi	Kawalan pertukaran asing

38 Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan pertukaran asing.

Sebuah firma dari Amerika Syarikat mengimport perabot kayu jati dari Malaysia yang bernilai RM68 400.

Berapakah Dolar Amerika Syarikat yang perlu dibayar oleh pengimport dari Amerika Syarikat itu jika kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika Syarikat ialah USD1.00 = RM3.80?

- A USD260
- B USD18 000
- C USD28 000
- D USD38 000

Soalan 39 hingga 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan 1	Pernyataan 2
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 39 I Apabila nilai pekali keanjalan harga permintaan bersamaan 2, penjual akan menurunkan harga
II Apabila nilai pekali keanjalan harga permintaan bersamaan 1, penjual akan menurunkan harga
- 40 I Malaysia mengurangkan import kereta daripada Jepun menyebabkan penawaran Ringgit Malaysia bertambah
II Firma Malaysia meningkatkan pelaburan di Afrika Selatan menyebabkan permintaan Ringgit Malaysia bertambah

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

3757/2

Ekonomi Asas

Kertas 2

September

2011

2 jam

Nama :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH - SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN LIMA
2011**

EKONOMI ASAS

KERTAS 2

Masa : 2 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan :

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada bahagian A dan **satu** soalan wajib di bahagian B.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalam dalam bahagian A dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam bahagian B.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

3757/2

SULIT

Bahagian A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

1. (a) Gambar di bawah adalah tentang sejenis barang dalam ekonomi.



(i) Apakah jenis barang tersebut?

[1 markah]

(ii) Jelaskan empat ciri barang di (a)(i)

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan ciri sebuah sistem ekonomi Negara X.

- Wujud persaingan bebas antara firma
- Kerajaan tidak campur tangan dalam ekonomi

Jelaskan penyelesaian masalah asas ekonomi Negara X dari segi:

(i) Bagaimanakah hendak dikeluarkan?

[2 markah]

(ii) Untuk siapa hendak dikeluarkan?

[2 markah]

- (c) Maklumat di bawah tentang pendapatan, perbelanjaan, pendapatan boleh cukai dan potongan wajib Encik Ahmad dalam tempoh setahun.

Butiran	RM
Pendapatan	55 000
Zakat	700
KWSP	6 050
Pendapatan boleh cukai	38 000
Insuran Nyawa	1 300

Kadar cukai yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Pendapatan boleh cukai (RM)	Kadar Cukai (%)	Cukai RM
RM5 000 pertama	0	0
RM10 000 berikut	1	100
RM15 000 pertama	-	100
RM15 000 berikut	3	450
RM30 000 berikut	-	550
RM20 000 berikut	5	

Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Ahmad. [7 markah]

- (d) Bezakan antara pulangan tabungan dengan pulangan pelaburan. [6 markah]

- (e) Mengapakah bank perdagangan mengenakan kadar faedah kepada peminjam?

[3 markah]

2 (a) (i) Apakah maksud permintaan berkesan

[2 markah]

(ii) Perbincangan berikut berkaitan dengan penentu permintaan suatu barang.



Jelaskan lima faktor lain yang dimaksudkan oleh pelajar tersebut

[5 markah]

(b) Jadual di bawah menunjukkan kuantiti diminta bagi barang X, Y dan Z.

Jenis Barang	Perubahan Kuantiti diminta (%)	Perubahan Harga (%)
X	40	20
Y	15	15
Z	5	10

(i) Berapakah nilai keanjalan harga permintaan bagi setiap barang itu.

[3 markah]

(ii) Tafsirkan keanjalan bagi barang X, Y dan Z tersebut.

[3 markah]

(c) Jadual di bawah menunjukkan jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut bagi sebuah firma

Bilangan buruh (Orang)	Jumlah Keluaran (Unit)	Keluaran Purata (Unit)	Keluaran Sut (Unit)
0	0	-	-
1	60	60	60
2	145	72.5	85
3	240	80	95
4	330	82.5	90
5	410	82	80
6	470	78.3	60
7	490	70	20
8	490	61.3	0
9	472	52.4	-18

Jelaskan hubungan di antara buruh dengan jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran sut [6 markah]

(d) Jadual di bawah menunjukkan penawaran terhadap suatu barang.

Harga (RM)	Penawaran Firma A (Unit)	Penawaran Firma B (Unit)	Penawaran Pasaran (Unit)
2	10	20	30
4	X	30	50
6	30	40	70
8	40	50	Y


(i) Tentukan nilai X dan Y [2 markah]

(ii) Lukiskan keluk penawaran pasaran di atas kertas graf dengan menggunakan skala 2 cm = 20 unit pada paksi kuantiti dan 2 cm = RM 2 pada paksi harga. [4 markah]

3 (a) (i) Jelaskan maksud pasaran.

[2 markah]

(ii) Rajah di bawah menunjukkan keseimbangan pasaran buruh.



Terangkan keadaan pasaran pada kadar upah:

- (a) RM5
- (b) RM10
- (c) RM15

[5 markah]


(b) Maklumat berikut berkaitan dengan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.

- Encik Alif Farhan menyewakan tanah kepada firma pelancongan. Firma pelancongan berkenaan membayar sewa RM2 000 sebulan.
- Encik Alif Farhan membelanjakan RM3 000 untuk membeli pakej pelancongan melalui firma pelancongan berkenaan

Lakarkan rajah aliran pusingan pendapatan tersebut.

[5 markah]

(c) Gambar di bawah menunjukkan iklan perabot oleh Syarikat Illiana Sdn Bhd.



Terangkan dua fungsi wang

[4 markah]

(d) Jelaskan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada:

(i) Kerajaan

[3 markah]

(ii) Bank perdagangan

[2 markah]

(e) Terangkan dua cara menggalakkan tabungan yang disediakan oleh Lembaga Tabung Haji dan Bank Simpanan Nasional

[4 markah]

- 4 (a) Usaha kerajaan mengubah struktur ekonomi negara telah mewujudkan pelbagai kesan. Terangkan dua kesan tersebut kepada ekonomi negara. [4 markah]
- (b) Huraikan tiga jenis deposit yang ditawarkan oleh bank perdagangan. [8 markah]
- (c) Berikut ialah perbualan tiga orang pengguna tentang keadaan ekonomi semasa.

Aidid : Hai... pening kepala aku. Harga barang tak habis- habis naik.

Shakir: Ya lah.... Harga makanan naik, harga pakaian naik, tambang pengangkutan pun naik.

Amin : Lepas ini entah- entah barang apa lagi yang naik.

Berdasarkan perbualan tersebut, bagaimanakah kerajaan melalui dasar belanjawan negara dapat mengatasi ketidakstabilan ekonomi tersebut. [6 markah]

- (d) (i) Nyatakan dua contoh hasil bukan cukai kerajaan Malaysia. [2 markah]
- (ii) Maklumat berikut berkaitan dengan ucapan Menteri Kewangan Malaysia dalam pembentangan bajet pada tahun 2010.

“ Kerajaan Malaysia masih memerlukan pinjaman memandangkan negara kita masih tidak mampu untuk menampung perbelanjaan yang akan dilakukan. Oleh itu saya mensyorkan kerajaan Malaysia mendapatkan pinjaman dari dalam negeri sahaja.”

Berdasar ucapan tersebut, mengapakah kerajaan mengutamakan pinjaman dalam negeri. [5 markah]

5 (a) Berikut ialah dua contoh perbelanjaan kerajaan:

X	Y
Pembinaan sekolah	Bayaran bulanan kepada pegawai kerajaan yang bersara

Bezakan tiga perbelanjaan X dan perbelanjaan Y

[6 markah]

(b) Maklumat di bawah berkaitan dua jenis sumber pinjaman kerajaan.

Sekuriti Kerajaan	Bil Perbendaharaan
-------------------	--------------------

Bandingkan kedua-dua sumber tersebut.

[6 markah]

(c) Terangkan dua komposisi import barang nampak Malaysia.

[4 markah]

(d) Pelaksanaan sekatan dalam perdagangan antarabangsa telah memberikan kesan negatif kepada Malaysia.
Jelaskan empat kesan negatif tersebut.

[4 markah]

(e) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing

Nilai Ringgit Malaysia menurun 3.21 peratus berbanding Dolar Amerika sejak tambatannya kepada Dolar Amerika dihapuskan Julai lalu

Jelaskan kesan perubahan di atas terhadap imbalan dagangan Malaysia. [5 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab

- 6 Syarikat Dagang Maju Bhd mengedarkan barangan pengguna iaitu nugget dan gula. Nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi nugget ialah 1.5 dan nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi gula ialah 0.5. Berdasarkan nilai pekali keanjalan harga tersebut, pihak syarikat telah membuat keputusan menaikkan harga nugget dan menurunkan harga gula bagi memaksimumkan hasil jualan syarikat.

Dalam usaha menampung kekurangan bekalan gula tempatan, Syarikat Dagang Maju Bhd bercadang akan mengimport sebanyak 1 000 tan metrik sebulan sama ada dari Australia atau Singapura. Harga bagi satu tan metrik gula di Singapura ialah S\$700 manakala di Australia ialah ASD500. Kadar pertukaran mata wang bagi kedua-dua negara tersebut berbanding dengan RM Malaysia adalah seperti berikut:

<u>Mata Wang</u>	<u>Ringgit Malaysia (RM)</u>
1 Dollar Singapura	RM2.50
1 Dollar Australia	RM3.00

Dalam urusan niaga tersebut, Syarikat Dagang Maju Bhd telah dikenakan sekatan berbentuk duti import. Melalui persatuan pengimport gula, syarikat ini memohon kepada kerajaan supaya duti import ke atas gula dikecualikan. Syarikat ini yakin akan mendapat kelulusan daripada kerajaan walaupun sedar pengecualian duti import ini akan memberi kesan kepada pengeluar tempatan dan kerajaan.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

- (a) (i) Nyatakan jenis keanjalan bagi kedua-dua barang tersebut [2 markah]
- (ii) Adakah anda bersetuju dengan keputusan Syarikat Dagang Maju Bhd. Beri dua alasan. [3 markah]
- (b) (i) Tentukan jenis urusan niaga Syarikat Dagang Maju Bhd. dalam petikan. [1 markah]
- (ii) Terangkan tiga kebaikan jenis urusan niaga di (b)(i) di atas. [6 markah]

- (c) (i) Hitungkan nilai import dalam RM Malaysia jika Syarikat Dagangan Maju Bhd mengimport 1 000 tan metrik gula dari Australia. [2 markah]
- (ii) Tentukan negara manakah yang patut dipilih oleh Syarikat Dagang Maju Bhd untuk mengimport gula tersebut?
Beri dua alasan. [3 markah]
- (d) Jelaskan tiga tujuan kerajaan mengenakan sekatan dalam urusniaga di atas. [3 markah]
- (e) Jelaskan kesan jika permohonan Svarikat Dagang Maju Bhd diluluskan oleh kerajaan terhadap:
- (i) pengeluar tempatan [2 markah]
- (ii) kerajaan [3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

MPSM KELANTAN

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
SEPTEMBER 2011**

**SKEMA JAWAPAN
EKONOMI ASAS 1 & 2
TINGKATAN 5**

**SEKIRANYA ADA MASALAH
TENTANG SOALAN
SILA HUBUNGI :**

**SOFI'S PRINT & BOOKS DEALER
TEL : 09 - 747 2097**

H/P : 014 - 822 1302 (PN WANIE)

H/P : 013 - 912 7418 (EN ZAIDI)


H/P : 019 - 958 0318 (EN SOFIE)

SKEMA PEMARKAHAN EKONOMI ASAS [3757]
PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2011

KERTAS 1 [3757/1]

NO	JAWABAN		NO	JAWABAN
1	B		21	A
2	D		22	B
3	C		23	C
4	A		24	B
5	C		25	D
6	C		26	B
7	B		27	D
8	B		28	C
9	D		29	D
10	A		30	B
11	D		31	D
12	C		32	D
13	A		33	A
14	A		34	A
15	A		35	C
16	B		36	C
17	D		37	B
18	A		38	B
19	C		39	A
20	C		40	D

(d)	Pulangan Tabungan	Pulangan Pelaburan	
	H1a-Pulangan dalam bentuk faedah @ dividen	H1b-Pulangan dalam bentuk untung	1 + 1
	H2a-Risiko ketidakpastian rendah @ selamat	H2b-Risiko ketidakpastian tinggi @ kurang selamat	1 + 1
	H3a-Pulangan rendah dan tetap	H3b-Pulangan tinggi dan tidak tetap	1 + 1
	H4a-Bersifat mudah cair	H4b-Bersifat tidak mudah cair	1 + 1 [Mak 6m]
(e)	H1-Pemberi pinjam terpaksa menanggung kos lepas kerana menanggungkan perbelanjaan masa kini H2-Pemberi pinjam terpaksa menanggung risiko tidak bayar balik pinjaman H3-Pemberi pinjam terpaksa menanggung kejatuhan nilai mata wang		1 1 1 [3m]
2 (a)(i)	H1:Kuantiti sesuatu barang yang ingin dan mampu dibeli H2:pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu.		1 1 [2m]
(a)(ii)	H1:Kejatuhan harga barang penggenap@contoh @kenaikan harga barang pengganti@contoh H2:Citarasa pengguna suka @ gemar komputer H3:Jangkaan harga masa depan meningkat menyebabkan permintaan masa kini meningkat H4:Musim awal pengajian @semester di IPT H5:Dasar kerajaan menurunkan cukai jualan@menjalankan kempen 1 rumah1 komputer		1 1 1 1 1 [5m]
(b)(i)	Nilai keanjalan $X = \frac{40\%}{20\%} = 2.0$ $Y = \frac{15\%}{15\%} = 1.0$ $Z = \frac{5\%}{10\%} = 0.5$		1 1 1 [3m]
(b)(ii)	Barang X Jika harga meningkat 1 % maka kuantiti diminta jatuh 2 % @ sebaliknya Barang Y Jika harga meningkat 1 % kuantiti diminta jatuh 1 % @ sebaliknya Barang Z Jika harga meningkat 1 %,kuantiti diminta jatuh 5 % @ sebaliknya		1 1 1 [3m]

(c)	<p><u>Tahap 1 (Buruh 0-3 Orang)</u> H1-Jumlah keluaran meningkat H2-Keluaran purata meningkat H3-Keluaran sut meningkat H4-Keluaran sut maksimum pada buruh ke 3 orang</p> <p><u>Tahap 2 (Buruh 3-4 Orang)</u> H5-Jumlah Keluaran meningkat H6-Keluaran purata meningkat H7-Keluaran purata maksimum buruh ke 4 orang H8-Keluaran sut jatuh</p> <p><u>Tahap 3 (Buruh 4-8 Orang)</u> H9-Jumlah keluaran maksimum pada buruh ke 8 orang H10-Keluaran purata jatuh H11-Keluaran sut jatuh H12-Keluaran sut sifar pada buruh ke 8 orang</p> <p><u>Tahap 4 (Buruh 8-9 Orang)</u> H13-Jumlah keluaran jatuh H14-Keluaran purata jatuh H15-Keluaran sut menjadi negatif pada buruh ke 9 orang</p>	<p>1 1 1 1</p> <p>1 1 1 1</p> <p>1 1 1 1</p> <p>1 1 1 1</p> <p>[Mak 6m]</p>
(d)(i)	<p>X = 20 unit Y = 90 unit</p>	<p>1 1</p>
(d)(ii)		<p>[2m]</p>
	<p>-Paksi kuantiti } -Paksi harga } Mesti ada titik origin, harga (RM), kuantiti (unit) -Label keluk penawaran : SSP *betul mana-mana 2 titik</p>	<p>1 1 1 1</p> <p>[4m]</p>

<p>3(a)(i)</p>	<p>H1 – keadaan dimana penjual dan pembeli bertemu H2 – untuk menentukan harga dan kuantiti barang @ faktor pengeluaran diurusniagakan H3 – sama ada secara langsung @ tidak langsung H4 – contoh : pasaran beras @ pasaran modal</p>	<p>1 1 1 1 [Mak 2m]</p>
<p>(a)(ii)</p>	<p>a. RM5 H1 – berlaku lebih permintaan @ $Q_d > Q_s$ H2 – sebanyak 13 orang H3 – kadar upah cenderung naik</p> <p>b. RM10 H4 – berlaku keseimbangan pasaran buruh @ $Q_s = Q_d$ H5 – pada 12 orang H6 – kadar upah kekal @ stabil</p> <p>c. RM15 H7 – berlaku lebih penawaran @ $Q_s > Q_d$ H8 – sebanyak 11 orang H9 – Kadar upah cenderung turun</p>	<p>1 1 1 [Mak 2m]</p> <p>1 1 1 [Mak 2m]</p> <p>1 1 1 [Mak 2m] [Mak 5m]</p>
<p>(b)</p>		<p>[5 m]</p>

(c)	<p>F1 – Alat ukuran nilai H1 – wang mengukur atau menilai sesuatu barang dalam bentuk harga @ RM1 200</p> <p>F2 – alat bayaran tertunda H2 – membolehkan pembayaran secara ansuran @ RM30 seminggu</p>	<p>1 1 1 1 [4m]</p>
(d)(i)	<p>H1 – mentadbir akaun kerajaan H2 – mengurus hutang negara H3 – menyediakan wang pendahuluan H4 – mengurus pertukaran asing H5 – memberi nasihat pelaburan</p>	<p>1 1 1 1 1 [Mak 3m]</p>
(d)(ii)	<p>H1 – penjaga rizab berkanun H2 – melaksanakan operasi rumah penjelasan</p>	<p>1 1 [2m]</p>
(e)	<p>F1 – menyediakan perkhidmatan simpanan wang yang selamat H1 – semua simpanan dijamin kerajaan F2 – menawarkan pulangan yang menguntungkan H2 – menawarkan kadar faedah @ dividen F3 – memudahkan pengeluaran dan pembayaran H3 – ada mesin ATM F4 – menyediakan bilangan cawangan yang banyak di seluruh negara H4 – memudahkan para pelanggan berurusan @ urusniaga lancar</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]</p>
MANA-MANA 2F + 2H x 1		
4.(a)	<p>F1: Keluaran negara meningkat dengan pesat@pendapatan negara meningkat. H1: daya pengeluaran sektor kedua lebih tinggi berbanding dengan sektor utama@imbangan dagangan negara menjadi lebih baik.</p> <p>F2: Peluang pekerjaan bertambah H2: sektor kedua dan sektor perkhidmatan telah menyumbangkan peluang pekerjaan yang besar dari segi guna tenaga berbanding sektor utama.</p> <p>F3: Mempelbagaikan kegiatan ekonomi @ mengurangkan pergantungan ekonomi kepada sektor utama. H3: kesan buruk kejatuhan harga barang utama dapat dikurangkan.</p> <p>F4: Taraf hidup penduduk dapat ditingkatkan@ kadar kemiskinan penduduk dapat dikurangkan H4: pendapatan bulanan@ per kapita dapat ditingkatkan @ pertambahan dalam pendapatan rakyat telah mengurangkan isi rumah yang miskin.</p> <p>F5: Penghijrahan penduduk desa ke bandar meningkat H5: disebabkan peluang pekerjaan yang banyak di bandar</p> <p>F6: Kehausan@ kepupusan sumber jadi dapat dikurangkan H6: sumber- sumber semula jadi negara dapat digunakan untuk jangka masa yang lebih panjang</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p>

	F7: Menggalakkan pelaburan asing H8: membawa masuk teknologi moden untuk pembangunan ekonomi negara. MANA-MANA 2F + 2H x 1M	1 1 [4m]
(b)	F1-Deposit Semasa: H1a-boleh mengeluarkan wang bila-bila masa H1b-kemudahan menggunakan cek H1c-boleh memohon overdraf H1d-dikenakan caj perkhidmatan H1e-diheri penyata bank H1f-boleh menggunakan kad ATM H1g-tidak dibayar faedah@dividen H1h-kemudahan menggunakan perbankan elektronik@pembayaran bil 1F + 2H x 1	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 3m]
	F2-Deposit Tetap H2a- boleh mengeluarkan wang apabila cukup tempoh matang@pengeluaran tidak cukup tempoh matang tidak dibayar faedah H2b-tempoh simpanan 1 bulan@ 3 bulan @ 6 bulan @ 12 bulan @ 15 bulan H2c-pendeposit diberi sijil akaun tetap H2d-dibayar kadar faedah lebih tinggi berbanding akaun simpanan 1F + 1H x 1	1 1 1 1 1 [Mak 2m]
	F3-Deposit Tabungan@Simpanan H3a-boleh mengeluarkan wang bila-bila masa H3b-simpanan permulaan dalam jumlah yang kecil H3c- boleh menggunakan kad ATM H3d- simpanan diberi buku bank H3e-dibayar kadar faedah@dividen yang rendah H3f-kemudahan menggunakan perbankan elektronik@pembayaran bil 1F + 2H x 1	1 1 1 1 1 1 [Mak 3m] [Jum 8m]
(c)	H1: Menaikkan kadar cukai H2: pendapatan boleh guna berkurang@jatuh H3: jumlah permintaan berkurangan@ kuasa beli jatuh H4: harga turun MANA-MANA 3H	1 1 1 1 1 [Mak 3m]
	H5: Perbelanjaan kerajaan berkurang@menangguhkan projek pemhangunan H6: sumber hasil berkurang@pendapatan negara jatuh H7: permintaanberkurang H8: Harga turun MANA-MANA 3H	1 1 1 1 [Mak 3m] [Jum 6m]

<p>(d)(i)</p> <p>(d)(ii)</p>	<p>H1: Lesen dan permit H2: Bayaran perkhidmatan@ penggunaan aset kerajaan/@sewa H3: Pendapatan pelaburan H4: Dividen H5: Royalti petroleum H6: Bayaran tunai gas.</p> <p>MANA-MANA 2H x 1</p> <p>H1: Tidak dipengaruhi oleh perubahan kadar pertukaran asing. H2: Tidak melibatkan pengaliran wang keluar H3: Syarat lebih mudah@fleksible H4: Kadar faedah rendah H5: Mudah diperoleh</p> <p>MANA-MANA 5H x 1</p>	<p>1 1 1 1 1 1</p> <p>[Max 2m]</p> <p>1 1 1 1 1</p> <p>[5m]</p>																
<p>5(a)</p> <p>(b)</p>	<table border="1" data-bbox="247 738 1116 1153"> <thead> <tr> <th>Perbelanjaan X</th> <th>Perbelanjaan Y</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>H1a-Perbelanjaan pembangunan</td> <td>H1b-Perbelanjaan mengurus</td> </tr> <tr> <td>H2a-Perbelanjaan terhadap pelaburan kerajaan dalam projek-projek pembangunan</td> <td>H2b-Perbelanjaan semasa yang berulang-ulang yang ditanggung kerajaan pada setiap tahun.</td> </tr> <tr> <td>H3a-Perbelanjaan ini akan meningkatkan pembentuk modal negara</td> <td>H3b-Perbelanjaan ini dapat menjamin pengurusan & pentadbiran kerajaan berjalan lancar.</td> </tr> </tbody> </table> <p>Persamaan: H1-Kedua-duanya merupakan sumber pinjaman dalam negara H2-Kedua-duanya dilanggan oleh syarikat diskaun@syarikat insuran@syarikat kewangan</p> <p>Beza:</p> <table border="1" data-bbox="247 1399 1147 1611"> <thead> <tr> <th>Sekuriti Kerajaan</th> <th>Bil Perbendaharaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>H1a-merupakan pinjaman jangka panjang@tempoh matang lebih setahun</td> <td>H1b-merupakan pinjaman jangka pendek@tempoh matang kurang setahun</td> </tr> <tr> <td>H2a-ditawar pada nilai muka</td> <td>H2b-ditawar pada kadar diskaun</td> </tr> <tr> <td>H3a-dibayar faedah</td> <td>H3b- dibayar pada nilai muka</td> </tr> </tbody> </table> <p>1m + 5m</p>	Perbelanjaan X	Perbelanjaan Y	H1a-Perbelanjaan pembangunan	H1b-Perbelanjaan mengurus	H2a-Perbelanjaan terhadap pelaburan kerajaan dalam projek-projek pembangunan	H2b-Perbelanjaan semasa yang berulang-ulang yang ditanggung kerajaan pada setiap tahun.	H3a-Perbelanjaan ini akan meningkatkan pembentuk modal negara	H3b-Perbelanjaan ini dapat menjamin pengurusan & pentadbiran kerajaan berjalan lancar.	Sekuriti Kerajaan	Bil Perbendaharaan	H1a-merupakan pinjaman jangka panjang@tempoh matang lebih setahun	H1b-merupakan pinjaman jangka pendek@tempoh matang kurang setahun	H2a-ditawar pada nilai muka	H2b-ditawar pada kadar diskaun	H3a-dibayar faedah	H3b- dibayar pada nilai muka	<p>1 + 1</p> <p>1 + 1</p> <p>1 + 1</p> <p>[6M]</p> <p>1 1</p> <p>[Mak 1m]</p> <p>1 + 1 1 + 1</p> <p>[Mak 5m] [Jum 6m]</p>
Perbelanjaan X	Perbelanjaan Y																	
H1a-Perbelanjaan pembangunan	H1b-Perbelanjaan mengurus																	
H2a-Perbelanjaan terhadap pelaburan kerajaan dalam projek-projek pembangunan	H2b-Perbelanjaan semasa yang berulang-ulang yang ditanggung kerajaan pada setiap tahun.																	
H3a-Perbelanjaan ini akan meningkatkan pembentuk modal negara	H3b-Perbelanjaan ini dapat menjamin pengurusan & pentadbiran kerajaan berjalan lancar.																	
Sekuriti Kerajaan	Bil Perbendaharaan																	
H1a-merupakan pinjaman jangka panjang@tempoh matang lebih setahun	H1b-merupakan pinjaman jangka pendek@tempoh matang kurang setahun																	
H2a-ditawar pada nilai muka	H2b-ditawar pada kadar diskaun																	
H3a-dibayar faedah	H3b- dibayar pada nilai muka																	

(c)	F1: Barang Penggunaan	1
	H1a: Barang penggunaan merupakan barang akhir@ siap yang boleh digunakan terus oleh pengguna.	1
	H1b: contoh barang	1
	1F + 2H X1	[Mak 3m]
	F2: Barang Perantaraan	1
	H2a: Barang Perantaraan ialah barang yang perlu diproses terlebih dahulu sebelum menjadi barang akhir@ siap.	1
	H2b: Merupakan barang yang digunakan dlm proses pengeluaran di sektor perkilangan dan pembinaan.	1
	H2c: contoh barang	1
	1F + 2H x 1	[Mak 3m]
	F3: Barang Pelaburan	1
	H3a: Barang pelaburan merupakan barang modal yang digunakan dalam proses pengeluaran untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran pada masa depan.	1
	H3b: contoh barang	1
	1F + 2H x 1	[Mak 2m]
	F4: Barang import utk dieksport semula	1
	H4a: Bahan mentah ini diimport, diproses dan kemudian dieksport semula.	1
H4b: contoh barang	1	
1F + 2H x 1	[Mak 2m]	
F5:Barang import lain	1	
H5a: Bahan api dan pelincir yang diproses, alat kelengkapan pengangkutan dan kereta penumpang merupakan antara contoh barang barang import lain.	1	
1F + 1H x 1	[Mak 2m]	
MANA-MANA 2F + 2H x 1	[Jum 4]	
(d)	Kesan negatif/keburukan sekatan:	
	H1: Salah pengagihan sumber kerana banyak sumber beralih ke industri yang dilindungi tarif	1
	H2: Merugikan pengguna apabila harga barang yang import mahal akibat tarif @ kuota	1
	H3: Pengagihan pendapatan yang tidak adil apabila negara asing bertindak mengurangkan import	1
	H4: Mengurangkan eksport apabila negara asing akan mengambil tindak balas dengan mengenakan sekatan yang sama.	1
	H5: Mewujudkan monopoli apabila industri tempatan cenderung untuk bergabung bagi menguasai pasaran.	1
	H6: Ketidakecekapan dalam industri tempatan kerana terlalu bergantung kepada kerajaan.	1
[Mak 4m]		
(e)	H1: harga barang eksport murah	1
	H2: permintaan@kuantiti barang eksport bertambah	1
	H3: nilai eksport bertambah	1
	H4: harga barang import mahal	1
	H5: permintaan@kuantiti barang import berkurang	1
	H6: nilai import berkurang	1
	H7: Imbangan dagangan bertambah baik@cenderung menjadi positif.	1
	[Mak 5m]	

6 (a)(i)	Nugget: Permintaan Anjal Gula : Permintaan Tidak Anjal	1 1 [2m]
(a)(ii)	Tidak setuju Alasan : H1-Nilai pekali keanjalan harga permintaan kurang daripada 1 @ Ed < 1 @ 0.5 H2-Peratus perubahan kuantiti < peratusan perubahan harga	1 1 1 [3m]
	Setuju H3-Nilai pekali keanjalan harga permintaan ialah 0.5	1 1 [2m]
(b)(i)	Perdagangan antarabangsa	1 [1m]
(b)(ii)	F1: Memperoleh barangan yang tidak dikeluarkan dalam negara. H1: Kerana perbezaan iklim @ tanah @ kos @ teknologi tinggi	1 1
	F2: Menawarkan pilihan yang pelbagai @ luas H2: Mengikut cita rasa @ kemampuan pengguna @ kepuasan	1 1
	F3: Menikmati barang dengan harga yang lebih murah H3: Pengkhususan meningkatkan kecekapan pengeluaran @ meminimumkan kos pengeluaran @ pengeluaran secara besar-besaran @ perbezaan alam semula jadi @ iklim	1 1
	F4: Menambahkan peluang pekerjaan H4: mengurangkan pengangguran @ meningkatkan taraf hidup @ meningkatkan pendapatan individu @ peluang pekerjaan meningkat	1 1
	F5: Meluaskan pasaran H5: Eksport bertambah @ pengeluaran bertambah @ untung meningkat	1 1
	F6: Menggalakkan penggunaan teknologi baharu H6: Meningkatkan kualiti harang @ mengurangkan kos pengeluaran @ membantu perkembangan industri baharu @ meningkatkan daya saing @ meningkatkan daya pengeluaran	1 1
	F7: Meningkatkan kecekapan pengeluaran H7: Mutu keluaran tempatan meningkat @ mengurangkan kos pengeluaran @ meningkatkan daya pengeluaran	1 1
	F8: Menggalakkan pelaburan H8: Membenarkan perkongsian ekuiti pihak asing dengan pengeluar tempatan @ perkembangan industri berteknologi tinggi	1 1
	F9: Mewujudkan hujung @ kerjasama @ persefahaman baik dengan rakan dagang H9. Rakyat mendapat pengetahuan dan kemahiran dari negara asing @ hubungan erat dari aspek ekonomi, politik dan sosial.	1 1
	MANA-MANA 3F + 3H x 1	[Mak 6m]

(c)(i)	Negara Australia: H1 : 1 000 tan x AD\$500 = AD\$500 000 H2 : ASD\$500 000 x RM3.00 H3 : RM1 500 000 @ RM1.5 juta		1 1 1 [Max 2m]
(c)(ii)	Australia H1-lebih murah H2-sebanyak RM250 000 H3-keuntungan bertambah	S1 + 2H	1 1 1 1 [Jum 3m]
	ATAU Singapura H4-jarak lebih dekat H5-kos pengangkutan lebih murah@jimat	S1 + 2H	1 1 1 [Jum 3m]
(d)	H1-sumber hasil@pendapatan kerajaan H2-melindungi industri muda @ tempatan untuk berkembang H3-anti lambakan barang import yang dijual dengan harga yang murah H4-menghadapi persaingan dengan barang import H5-faktor keselamatan seperti dadah dll		1 1 1 1 1 [Max 3m]
(e)(i)	H1-jumlah import@penawaran gula import bertambah H2- harga gula import lebih murah H3- harga gula tempatan lebih mahal H4-pengeluar tempatan tidak mampu bersaing dengan gula import H5- permintaan gula import meningkat @ permintaan gula tempatan jatuh H6-keuntungan berkurang H7-tiada pelaburan baru H8- tiada R&D H9-pekerja di syarikat pengeluar tempatan diberhentikan		1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Max 2m]
(ii)	H1-hasil kerajaan melalui cukai import @ cukai jualan jatuh H2-perbelanjaan kerajaan jatuh H3-pengangguran meningkat H4-jumlah import meningkat H5-aliran keluar wang meningkat H6-imbangan dagangan @ pembayaran cenderung negatif@bertambah buruk H7-nilai RM jatuh		1 1 1 1 1 1 1 [Max 3m]

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT
2011